

21 APR 1997

SOSIAL: JAWATANKUASA KHAS DITUBUHKAN DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 21 April (Bernama) -- Umno Kelantan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas menangani masalah sosial bagi membolehkan semua program diselaraskan dan dipusatkan, kata Pengerusi Biro Sosial Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata walaupun banyak program dan kajian dibuat oleh jabatan kerajaan termasuk Jabatan Pendidikan Negeri tetapi kesannya kurang apabila Kelantan masih antara negeri yang menghadapi masalah itu khususnya penagihan dadah.

"Kita lihat banyak pihak yang cuba melaksanakan program masing-masing tetapi kesannya kurang kerana mereka semua mengikut cara sendiri hingga merugikan dari segi tenaga dan kewangan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Jawatankuasa itu, yang dipengerusikan beliau, dianggotai oleh semua jabatan kerajaan persekutuan termasuk polis, katanya dan menambah mesyuarat pertama jawatankuasa khas hari ini memutuskan semua pihak terlibat menyediakan data mengenai masalah sosial di Kelantan untuk dianalisis.

Mustapa, yang juga anggota Jawatankuasa Kabinet Mesyuarat Masalah Sosial yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) yang mewakili kerajaan negeri Kelantan turut dijemput menyertai jawatankuasa itu bagi membolehkan usaha dan program bersepadu dilaksanakan di semua peringkat tanpa mengira fahaman politik.

Menteri Pembangunan Usahawan itu berkata Kelantan antara negeri yang memerlukan perhatian dalam usaha mengatasi masalah sosial kerana ia dikategorikan sebagai negeri kedua tertinggi mempunyai bilangan penagih baru di negara ini. -- BERNAMA

RAR NAK